

Redah ombak besar tangkap ikan belanak untuk kelangsungan hidup

Uth 30/1/2023 Ms 29

BACHOK: Nelayan di pesisir pantai daerah ini sanggup mere dah ombak besar menangkap ikan belanak sebagai alternatif menjana pendapatan sepanjang Monsun Timur Laut.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati rata-rata nelayan menjual ikan tersebut dengan harga RM8 hingga RM10 sekilogram, selain dijadikan sebagai lauk pauk untuk makan bersama keluarga mereka selepas nelayan tidak dapat turun ke laut sejak dua bulan lalu.

Seorang penduduk, Awang Lah Ismail, 58, berkata, meskipun perlu berdepan dengan ombak besar, kebanyakan nelayan di sini sentiasa mengutamakan keselamatan semasa menangkap ikan belanak.

Menurutnya, sebagai langkah keselamatan nelayan akan melititi terlebih dahulu keadaan angin dan arus dasar sebelum melakukan aktiviti ini.

"Kebiasaannya, jumlah ikan belanak akan bertambah apabila



NELAYAN pantai menggunakan kaedah tradisional untuk menangkap ikan belanak di Pantai Damak, Bachok, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

berlakunya ombak besar. Jadi nelayan di sini masih menggunakan kaedah tradisional itu menggunakan sauk.

"Rezeki yang diperoleh dapatlah menampung perbelanjaan buat sementara waktu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Sementara itu, Ibrahim Mat Noor, 39, memberitahu ikan belanak yang segar laris dijual kepada pengunjung pantai dan setengahnya dijual kepada pem borong kerana ia memiliki peminat tersendiri dalam penghasilan ikan pekasam dan masak asam pedas.